



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KERTAS KERJA

**PEMERKASAAN BAHASA MELAYU
DI NEGARA BANGSA MALAYSIA MERDEKA**

**DISEDIAKAN OLEH:
Y. BHG. DATO' DR. A. AZIZ BIN DERAMAN**

**TARIKH:
6 FEBRUARI 2017 (ISNIN)**

**TEMPAT:
AMANJAYA CONVENTION CENTRE
CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA
IPOH, PERAK**

PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI NEGARA BANGSA MALAYSIA MERDEKA

A. Aziz Deraman

- *"Pemimpin Melayu juga jangan begitu cepat mencurah air dari tempayan apabila mendengar dentuman guruh di langit. Anak Melayu yang sudah tinggi pengajiannya, sudah tinggi ilmunya, sudah tinggi jawatannya, berhentilah daripada bersifat kacang lupakan kulit..."*

Langkah memberikan martabat dan kemuliaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan itu adalah sebahagian daripada semangat perjanjian kemerdekaan... wajib terus dihidupkan... junjunglah titah wasiat Raja Melayu yang telah menyerahkan kuasa negeri kepada pemerintahan Persekutuan".

- Titah Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, dalam Majlis Syarahan Titah 2016 di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 5 Oktober 2016.

Pendahuluan

Saya sengaja mengutip Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni al Marhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah al Maghfur lah itu, sewaktu baginda menyampaikannya di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 5 Oktober 2016 yang lalu. Ayat titah yang berbunyi: *"Langkah memberikan martabat dan kemuliaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan itu adalah sebahagian daripada semangat perjanjian kemerdekaan... wajib terus dihidupkan..junjunglah titah wasiat Raja Melayu yang telah menyerahkan kuasa negeri kepada pemerintahan Persekutuan"*... sudah cukup mencelikkan mata orang-orang yang terlena dalam tanggungjawab. Keprihatinan baginda terhadap isu-isu kenegaraan sering kedengaran dalam forum-forum bersemuka oleh para pemimpin dan rakyat. Baginda kerap menasihati para pemimpin dan rakyat agar tidak lupa dan alpa tentang isu perundungan dan kedaulatan Islam, jati diri bangsa, isu menghina institusi Islam, isu Bahasa Melayu (BM) dan seumpamanya sehingga kealpaan itu menyebabkan tonggak-tonggak utama kenegaraan yang perlu dipertahankan menjadi terabai dan terpinggir. Umat Melayu sebagai teras bangsa Malaysia, nama sahaja Melayu, kian tidak sedar diri untuk kembali kepada jati diri bangsa dan kelslamannya bahkan tidak menghayati tanggungjawab yang mesti dipikul.

Di Sebalik Negara Merdeka

Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957, manakala pembentukan Malaysia ialah pada 16 September 1963. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (1948) adalah hasil dari perjanjian penyerahan kuasa negeri oleh raja-raja Melayu kepada pemerintahan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sedikit sebanyak mengalami pindaan minimum dan penyesuaian dengan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia dan menjadi Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Segala tonggak kenegaraan dan hubungan kuasa antara Persekutuan dengan negeri diperjelaskan dengan nyata. Status Islam sebagai agama negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia, kedudukan institusi Yang Di Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan hak asasi merupakan tonggak-tonggak dan rupa wajah kenegaraan Malaysia. Jika tonggak-tonggak itu sudah tiada atau dihilangkan kerana politik, maka Malaysia akan hanya tinggal pada nama atau bentuk, tetapi ketiadaan isi dan jati dirinya lagi.

Apa yang disuarakan KDYMM Paduka Seri Sultan Perak itu adalah hak yang patut bagi baginda, sebagai seorang sultan. Mana-mana pihak atau golongan yang menolak apa-apa jua tonggak yang telah lama dipersetujui leluhur bangsa melalui perjanjian kemerdekaan yang asal itu, bermakna mereka menolak gagasan dan konsep kenegaraan "federalism" Malaysia. Titah baginda itu mengingatkan rakyat dan para pemimpin politik tanah air di segenap peringkat dan lapisan, agar tidak alpa dan lupa akan peranan dan tanggung jawab bersama sehingga boleh membawa kepada tafsiran adanya petanda ciri-ciri "kedurhakaan". Wasiat Raja-Raja Melayu (1957), ada tujuh perkara itu, sanya adalah sebagai penyambung legasi ketuanan Melayu-Islam tatkala negara ini mencapai kemerdekaan. Para pemimpin jangan sekali-kali "buat lupa" wasiat tersebut yang dengan cukup tegas menyebut bahawa bumi yang dipijak dan langit yang dijunjung ini ialah Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia); mengisytiharkan Tanah Simpanan Melayu; penubuhan Rejimen Askar Melayu; kerajaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu; Islam ialah agama Persekutuan, Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu serta kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain, termasuk kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak. Penetapan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah merupakan Wasiat keenam,

Pada dekad pertama abad ke-21, kelihatan terjadinya tindakan pihak-pihak tertentu dan kepentingan politik sempit mempertikai dan mempersoalkan perkara-perkara tonggak tadi yang menjadi asas utama pembentukan negara Malaysia. Ada laungan suara bermatlamat untuk merombak atau merobek Perlembagaan Persekutuan. Hal ini telah menimbulkan kegusaran dan keresahan di kalangan rakyat. Hal ini berlaku disebabkan kedangkalan pengetahuan golongan tertentu tadi terhadap latar belakang sejarah mengapa peruntukan-peruntukan tersebut dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Hal ini juga menunjukkan masuknya pengaruh budaya globalisasi; kononnya atas prinsip-prinsip kebebasan, hak asasi dan keadilan yang cuba diaplิกasikan di negara ini tanpa mengakuri latar belakang sejarah dan keadaan

sosial di Malaysia. Gejala ini jika tidak ditangani dengan segera dan berhemah boleh menyebabkan negara terjebak dalam kancah perpecahan dan persengketaan antara kaum yang boleh menjasakan keharmonian dan keamanan yang selama ini telah membawa kemajuan, kemakmuran pembangunan, kejayaan dan kesejahteraan buat semua.

Pada 16 Oktober 2008, bertempat di Kuala Terengganu, Mesyuarat Majlis Raja Raja ke-215 telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar khas memperingatkan semua pihak tentang peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan telah melalui proses perbincangan, pertimbangan, konsultansi, pengorbanan dan sifat tolak ansur yang sangat tinggi nilainya bagi apa yang telah diperjuangkan, diperbincangkan, dipertimbangkan, dimanfaatkan serta dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat, sehingga wujudnya peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang dikenali sebagai "kontrak sosial". Kenyataan khas itu dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah pada 17 Oktober tahun yang sama, mengingatkan semula kepada semua pihak "*...mengenai Peranan Seri Paduka Baginda Yang Di-Perrtuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu berhubung dengan hak-hak keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-raja Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut Perlembagaan Persekutuan*".

Apakah setiap orang rakyat Malaysia menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara yang menyebut kepercayaan kepada Tuhan; ketaatsetiaan kepada Raja dan negara; keluhuran Perlembagaan; kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan. Tindakan mempertikai dan mempersoalkan status Islam, kedudukan raja-raja Melayu, dan bahasa Melayu sebagai bahasa negara adalah tindakan di luar batas Perlembagaan dan sama sekali tidak menghormati nilai-nilai budaya kesopanan dan kesusilaan. Senario mutakhir tadi menunjukkan generasi baru atau generasi muda Malaysia mulai terpengaruh, gemar dan terikut-ikut dengan nada permainan lagu politik jahat dipenuhi hasutan, fitnah, khianat dan adu domba yakni tanda-tanda kedurhakaan kepada raja dan negara.

Sesudah 60 tahun mencapai kemerdekaan (1957) atau setelah terbentuknya Malaysia (1963), apakah negara bangsa Malaysia telah benar-benar wujud? Jika konsep negara bangsa (*nation state*) pun masih keliru di minda rakyat dan sesetengah pemimpin politik, maka apakah cita-cita kelahiran satu bangsa dan satu negara dapat dicapai dengan mudah seperti dalam lagu 'Malaysia Berjaya'? Gagasan *1Malaysia* itu menegaskan sandarannya kepada prinsip-prinsip utama berpandu dan berpegang kepada Perlembagaan dan Rukun Negara, prinsip penerimaan dan keadilan sosial.

Jika kita cuba memahami konsep “negara bangsa” (*nation state*), maka kita tidak akan keliru dengan faham kaum dan perkauman, ras dan rasialisme, kerana maksud bangsa itu merujuk kepada konsep negara dan kenegaraan, misalnya hubungkait antara ‘nation’ dengan ‘nasionalisme’. Maksud negara bangsa adalah merujuk kepada satu bangsa bagi satu negara (Istilah: ‘*A Single Nation in A Single State*’). Sungguhpun Malaysia itu bersifat kepelbagaian yakni pelbagai etnik, bahasa kaum, kepercayaan, agama, adat resam, warisan seni dan sebagainya tetapi rakyatnya itu dipanggil sebagai bangsa Malaysia. Faktor-faktor pengikat kebangsaan itu oleh adanya ikatan perkongsian lambang kesatuan negara dan bangsa yakni sebahagian besarnya termaktub dalam Perlembagaan.

Kesatuan bangsa di sesebuah negara bangsa seperti Malaysia dapat dikur sama melalui geopolitik, sistem pemerintahan, kesetiaan politik (*political loyalty*), ketaatsetiaan kepada raja dan negara, amalan satu bahasa kebangsaan, kesatuan melalui dasar-dasar negara dalam sistem ekonomi, pendidikan, kebudayaan, sosial dan beberapa citra lain seperti perkongsian nilai-nilai bersama, merayakan hari kebangsaan, menghormati bendera kebangsaan, bunga kebangsaan, pakaian kebangsaan dan perlambangan lain yang mengikat pelbagai masyarakat dalam pembinaan negara (*nation building*). Masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum itu adalah sebagai satu bangsa Malaysia, sama konsepnya seperti bangsa Cina di China, bangsa Korea, bangsa Jepun, bangsa Indonesia, bangsa Inggeris, bangsa Jerman, bangsa Rusia dan sebagainya. Takrif kenegaraan atau kebangsaan itu berbeza dengan takrif perkauman. Konsepnya itu tidak sama dengan konsep *al asabiyah* atau *al qaumiyah* tetapi lebih bersifat *al-wataniyah*.

Demikian juga, jika rakyat memahami Gagasan *1Malaysia*, maka prinsip terasnya jangan dicelarukan dengan ‘kesamarataan’ suatu konsep Malaysian Malaysia. Konsep Malaysian Malaysia menolak fakta sejarah dan keadilan sosial walhal prinsip *1Malaysia* adalah berpegang kepada hakikat penerimaan tentang wujudnya kepelbagaian, menjunjung Perlembagaan dan Rukun Negara serta prinsip keadilan sosial. Struktur pemerintahan, pentadbiran dan penggubalan apa jua dasar-dasar kenegaraan mestilah berpedomankan Perlembagaan. Sekiranya rakyat tidak menjunjung keluhuran Perlembagaan negara, hal sedemikian merupakan sesuatu yang malang, lebih-lebih lagi jika kemerdekaan dan kedaulatan negara itu tidak diimbangi dengan jiwa patriotisme yang tinggi.

Bahasa adalah asas kemajuan dan pembinaan tamadun sesebuah bangsa dan negara. Justru aspek bahasa itu menjadi semakin penting di dalam gagasan *1Malaysia* kerana ia merupakan wahana perpaduan yang utama dan salah satu tonggak dalam Perlembagaan. Tetapi cuba ditanyakan kenapa penggunaan bahasa kebangsaan dalam semua ranah kehidupan sering sahaja menjadi persoalan. Sektor awam telah ditetapkan sebagai fasilitator untuk kemajuan dan pembangunan negara, maka sepatutnya memegang tanggung jawab penuh meneladani aspek-aspek kebahasaan, perluasan penggunaan dan pengembangannya, hatta hingga ke sektor swasta dan aneka bidang kehidupan

Apabila disebut ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’ atau ‘Bahasa Jiwa Bangsa’, natijahnya ialah bagaimana citra bangsa Malaysia itu terserlah jati diri bangsanya dalam berbahasa; pertama, BM sebagai bahasa negara, kedua, konteks situasi menggunakan bahasa asing yang perlu untuk komunikasi antara bangsa mengikut tempat dan suasana keperluan. Kukuh atau rapuhnya penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di mana-mana negara sekalipun banyak tergantung kepada perangai rakyatnya yakni sikap dan tabiat yang mereka bawa.

Dasar Bahasa Negara

Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan memaktubkan “*Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen*” dan Perkara 152 (6) menegaskan “*Dalam Perkara ini, maksud rasmi ertinya apa-apa juga maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam*”. Fungsi Bahasa Melayu diperkuuh lagi dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Secara ringkas, undang-undang Malaysia menetapkan perkara-perkara yang berikut:

- a. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia.
- b. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi bagi melaksanakan maksud-maksud Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- c. Rakyat Malaysia tidak dilarang menggunakan, belajar atau mengajar bahasa-bahasa lain.

Berdasarkan kehendak undang-undang di atas tadi, dapat ditafsirkan *Fungsi Bahasa Melayu untuk keperluan dalam negara* seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan industri.
- Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi.

- Bahasa Melayu menjadi bahasa kesusasteraan, kesenian, kebudayaan, agama dan falsafah.

Dengan demikian, Malaysia mempunyai “Dasar Bahasa Negara” tersendiri. Malaysia tidak meletakkan dasar pelbagai bahasa secara *laissez faire* sebagai bahasa rasmi. Malaysia cuma ada satu bahasa negara, tetapi bahasa-bahasa kaum dan etnik tidak dihalang, diamalkan dan diwarisi. Bahasa-bahasa lain yang menjadi bahasa-bahasa utama dunia tetap perlu dipelajari dan dikuasai. Ada dasar bahasa yang berbeza di antara satu-satu negara misalnya India, Singapura, Jepun, China, United Kingdom, Thailand dan Indonesia. BM tepat dipilih kerana sifat-sifat *lingua franca*, faktor linguistik, sosiologi, demografi, geobudaya, tradisi keilmuan dan fakta sejarahnya yang panjang.

Rakyat tidak harus mengambil fahaman bahawa bahasa Melayu itu bahasa orang Melayu semata-mata bukan sebagai bahasa negara atau bahasa bagi kebangsaan Malaysia yang sudah disepakati dalam konteks semangat perjanjian kemerdekaan dahulu. Sesungguhnya untuk memenuhi semua lapangan kehidupan di Malaysia tidak ada bahasa lain yang boleh mengambil status BM sebagai bahasa negara kerana tidak semua isi tamadun negara bangsa kita itu boleh diungkapkan dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain, hatta sejumlah kosa kata BM misalnya tentang adat istiadat, flora dan fauna, makanan dan minuman, pakaian dan perhiasan, seni, ilmu samudera dan sebagainya tidak kedapatan dalam bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Inggeris.

Aspirasi Perlembagaan dengan jelas meletakkan tonggak-tonggak kenegaraan, antara lainnya kedudukan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. BM adalah bahasa negara Malaysia. Statusnya sama seperti bahasa Jerman di Jerman, bahasa Perancis dan bahasa kebangsaan di beberapa negara lain di Eropah, bahasa Jepun di Jepun, bahasa Cina, Korea dan beberapa bahasa negara lain di Asia. Bahasa itu menjadi alat pengantar pendidikan, penyampaian ilmu, komunikasi dan bahasa perpaduan bangsa. Bahasa itu melambangkan kebangsaan, jati diri dan keperibadian dan atas pembinaan tamadun bangsa. Itulah sejarah zaman berzaman sejak zaman Rumawi, Parsi, Andalusia, China, India, dan zaman kegemilangan kerajaan-kerajaan Melayu silam. Bahasa Melayu dalam tempoh berabad-abad lamanya menjadi bahasa pemerintahan, pentadbiran, bahasa diplomatik, bahasa perhubungan timur-barat, komunikasi umum, bahasa perdagangan, bahasa ilmu di pusat-pusat pengajian, bahasa persuratan dan penulisan kitab-kitab, dan berkembang di serata dunia Melayu. Bahasa itu kekuatan negara bangsa.

Perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan

Di negara-negara maju, bahasa negara mereka dimajukan tanpa dolak dalik. Di Malaysia, sejak awal 1990an, kita berhadapan dengan dilema persepsi bahasa. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tidak sama statusnya dengan mana-mana bahasa lain. Wujudkah sikap di kalangan rakyat Malaysia, kepimpinan politik, agensi, institusi dan organisasi yang bertujuan

mempamerkan komitmen dan kebersamaan peranan perlaksanaan dasar bahasa?. Cuba ‘tepuk dada’ dan tanya diri apakah tahap kejayaan mana-mana kuat kuasa atau wewenang masing-masing terhadap fungsi bahasa Melayu? Jika disemak satu persatu apakah kejayaan dan setakat manakah pencapaian status bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi melaksanakan maksud-maksud Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti tuntutan dan aspirasi Perlembagaan? Apakah pula kejayaan dan pencapaian fungsi bahasa Melayu untuk keperluan pendidikan, bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan industri, bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi, bahasa kesusasteraan, kesenian, kebudayaan, agama dan falsafah?

DBP telah beberapa kali membuat kajian terhadap pencapaian perlaksanaan dasar bahasa. Hasilnya menunjukkan bahawa BM belum berjaya ‘dinobatkan’ peranan utamanya sebagai bahasa kebangsaan dan merosot tarafnya sebagai bahasa rasmi. Mungkin bahasa Melayu sangat cemerlang sebagai bahasa kesusasteraan, kesenian, kebudayaan, agama dan falsafah kerana sifat asalnya atau dukungan kuat mereka yang berkecimpung di bidang-bidang berkenaan. Cuba kita semak statusnya dalam bidang-bidang lain sebagaimana dinyatakan tadi. Rupa-rupanya kita belum mencapai kejayaan sepenuhnya atau pada sebahagian sahaja atau gagal di bidang-bidang tertentu. PBT pun masih gagal mendaulatkan bahasa kebangsaan dari segi penamaan, papan iklan dan papan tanda, walhal mereka ada kuasa Perlembagaan dan undang-undang tersendiri. Apakah keadaan ini terjadi kerana ketidaktegasan atau kecuaian sendiri?.

Sewaktu menyampaikan titah di DBP pada 5 Oktober 2016 itu juga, Paduka Seri Sultan Perak telah menegur kecuaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan. Baginda menyebut pada suatu masa pelbagai pihak berkuasa tempatan telah menukar nama jalan daripada nama tokoh penjajah kepada nama pemimpin tempatan. ***“Pada hari ini, perkara yang terbalik sedang berlaku. Semakin banyak kawasan perumahan, taman, gedung niaga, dan pusat pelancongan yang diluluskan pihak berkuasa tempatan, dinamakan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Pada hari ini pihak berkuasa tempatan bagaikan mangli melihat papan tanda yang meminggirkan bahasa kebangsaan”.***

DBP mendapati “Pencapaian menurut bidang penggunaannya” sangat belum memuaskan dan tidak menyeluruh. Laporan kajian DBP 1996, misalnya menyebut ...”*kajian yang dibuat menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan belum dapat digunakan dengan meluas atau tidak memainkan peranan yang utama sebagai bahasa komunikasi bagi urusan komersial dan perdagangan dalam negeri, industri, sains dan teknologi, dan urusan-urusran dalam negeri yang lain. Tempat bahasa Melayu itu diambil oleh bahasa-bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Malah, kualiti bahasa Melayu didapati merosot, terutama sekali apabila bahasa Melayu digunakan secara bercampur aduk dengan bahasa Inggeris”?*”

Apakah sikap warga bangsa Malaysia merdeka terhadap laporan tersebut? Itulah suatu senario yang memalukan kita sebagai satu bangsa merdeka dan satu negara berdaulat yang sedang menuju negara maju sebanding dengan kemajuan Jepun, Korea, Jerman, Perancis dan sebagainya melalui bahasa sendiri. Sejak beberapa tahun yang lalu, penegasan semula pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan sedang dilaksanakan Kerajaan, tetapi kenapa di sana sini masih kelihatan hambar sambutannya dan terlalu perlahan tindakan memperbaiki, memulih dan memantapkannya. Apakah hal ini bermakna bidang bahasa juga menuntut program transformasi tersendiri. Jika demikian, lakukan program transformasi bahasa dengan mewujudkan pelan pembinaan dan pengembangan jangka panjang serta strategi perlaksanaannya, seperti mana dilakukan program transformasi bidang-bidang yang lain. Kita perlu melakukan pendekatan dan strategi baharu selaras dengan konteks kenegaraan, dukungan konsep keilmuan dan keperluan sebenar demi tujuan-tujuan khusus bidang-bidang keperluan utama tadi.

Pada awal kemerdekaan sehingga tiga dekad kemudian (1957-1990), BM berada di suatu pelantar yang kuat, baik dan telah berjaya dimartabatkan. Amalan penggunaannya dalam sektor awam, bahasa pengantar pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga menengah dan berfungsi sebagai bahasa ilmu di pengajian tinggi (1983) dan sebagai alat komunikasi umum yang mengukuhkan matlamat perpaduan. BM amat positif berkembang dalam sebahagian besar ranah kehidupan bangsa Malaysia. Dari segi perancangan dan pembinaanya dalam tempoh enam dekad sesudah kemerdekaan, BM telah berjaya dibangunkan sebagai bahasa saintifik moden sama seperti bahasa-bahasa utama dunia yang lain. Persoalannya adalah kenapakah apabila memasuki abad ke-21, wajah BM bertukar menjadi “terbalik” dan isu tentang statusnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah menimbulkan persoalan. Mungkin ada kesan tempias persepsi yang serong apabila timbulnya cetusan idea kerajaan dengan Wawasan 2020 bagi Malaysia mencapai sebuah negara maju. Persepsi itu berubah mungkin disebabkan isu globalisme, universalisme, pluralisme, hedonisme, imperialisme budaya, kebebasan (*freedom*) dan macam-macam faham baru.

Kini semakin timbul isu kenapakah perlaksanaan dasar bahasa kebangsaan di Malaysia begitu “lemah”? Pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, fungsi bahasa kebangsaan dan fungsi rasminya seolah-olah tidak dipedulikan dan dipinggirkan meskipun ia adalah suatu “Tanggungjawab Perlembagaan”. Perlaksanaannya terletak di bahu semua pihak! Jika ada agensi, institusi, pihak berkuasa di semua peringkat, bermula dengan sektor awam, mengabaikan tanggungjawab Perlembagaan tersebut, maka mereka telah melakukan suatu keingkaran!. Ada pendapat kononnya perjuangan bahasa sepatutnya sudah selesai apabila statusnya dikanunkan dalam Perlembagaan. Tetapi oleh kerana “cakap tidak serupa bikin”, maka isu dan soal pengisian dan perlaksanannya terus dipersoalkan, ditanggapi sebagai telah terketepi, ‘tidak diambil kisah’. Ada tanggungjawab semua pihak melalui peranan, fungsi melalui sistem pengurusan dan pentadbiran masing-masing, sayangnya kekal sebagai tanggungjawab tanpa perlaksanaan yang sungguh-sungguh.

Dasar Bahasa dan Pendidikan

Kita tahu bahawa kejayaan sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 telah menseimbangkan kemajuan pendidikan rakyat dan berlaku suatu penyusunan semula masyarakat, misalnya telah bertambah bilangan orang Melayu dan bumiputera di bidang profesional. Tahap perpaduan bangsa dan integrasi nasional menjadi sangat kukuh. Kejayaan tadi menjadi bukti kejayaan cemerlang pelaksanaan dasar bahasa. Kejayaan sistem pendidikan dengan bahasa negara sendiri itu pastinya membawa impak budaya dan perluasan bahasa ke dalam sektor-sektor yang lain pula termasuk budaya ekonomi, perdagangan, perbankan, teknologi dan pemikiran peradaban bangsa.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan kejayaan pencapaian statusnya sebagai bahasa ilmu menjelang tahun 2000 itu, sangat luar biasa. Kejayaan ini menepati dengan kehendak semangat Penyata Razak 1956 (diperundangkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 yang menggantikan *Education Ordinance 1952*) dan Penyata Rahman Talib 1960 yang diperundangkan dalam Akta Pelajaran 1961 antara lain menetapkan bahasa kebangsaan hendaklah menjadi alat pengantar pendidikan yang utama. Situasi semasa sudah tidak lagi menuju ke arah itu.

Kita telah menyaksikan perubahan pelaksanaan dasar pendidikan apabila dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik melalui bahasa Inggeris (PPSMI) ‘dipaksakan’ pada tahun 2003. Isu asalnya bermula daripada masalah penguasaan BI yang lemah, walhal jalan penyelesaian yang diambil itu bagaikan ‘lain menanah lain pula yang dibebat’. Mengikut kajian badan-badan dan pakar pendidikan tertentu, mereka mendapat jumlah yang sangat besar sekolah di luar bandar telah kecundang. Akhirnya PPSMI dimansuhkan. Lanjutannya pula ialah kepada *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2012-2015*. Fungsi bahasa dalam bidang pendidikan dan pelajaran ditegaskan sebagai bahasa kemajuan negara sesuai dengan Dasar Bahasa Kebangsaan Malaysia.. Oleh itu, “Fungsi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar bagi Sistem Pendidikan Kebangsaan” dapat juga dirujuk melalui *Akta Pendidikan 1995* yang menjadikan BM itu bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran (bukan bahasa) di peringkat pendidikan prasekolah, rendah dan menengah kerajaan. Hal ini pun memerlukan penegasan kembali. Kita menaruh harap BM bertambah kukuh dan wujud keseimbangan dalam kita menguasai mana-mana bahasa.

Tindakan terbaru ialah diperkenalkan ‘*Dual Language Programme (DLP)*’ yang ditawarkan secara pilihan, tetapi dianggap para pejuang bahasa dan budayawan sebagai penjelmaan bentuk baru dari PPSMI. Isu penguasaan BI seharusnya diselesaikan melalui kaedah bahasa atau ilmu linguistik, tidak disandarkan ke atas subjek yang lain. Kejayaan awal sistem dahulu sepatutnya menjadi pedoman. Percubaan demi percubaan akan hanya merencatkan perjalanan sistem dan ‘memangsakan’ pelajar. Kini timbul pula tanggapan sinikal terhadap mereka yang memperjuangkan sistem pendidikan menggunakan sekolah satu

aliran bahasa. Malahan masih ada puak tertentu yang berusaha mengembalikan sistem kolonial dengan BI sebagai bahasa pengantar sepenuhnya. Bukankah itu satu pilihan yang lemah? Bahasa kebangsaan lebih praktikal kerana bukti kemajuan lalu dan pencapaiannya yang sudah jauh berada di hadapan. Sebenarnya tidak ada mana-mana pejuang bahasa menolak penguasaan bahasa Inggeris bahkan diusulkan generasi muda Malaysia patut menguasai lebih dari dua bahasa utama dunia.

Selain daripada penekanan kepada sains dan teknologi, usaha meningkatkan pencapaian dalam setiap bidang mata pelajaran, baik bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sains menjadi bidang-bidang yang ditekankan dalam kurikulum. Sungguh pun begitu pembangunan modal insan perlu dilengkapkan lagi dengan nilai-nilai budaya positif, sebahagiannya tercerna melalui subjek sejarah dan kesusastraan. Kedua-dua subjek ini seharusnya menjadi subjek wajib merentasi aliran pengajian. Di Malaysia, subjek sejarah dan kesusastraan tidak berada dalam aliran besar kurikulum pendidikan, sedangkan pemikiran kreatif dan analitikal ikut datang melalui kesedaran sejarah dan sastera.

Bahasa dan sastera saling melengkapi dan berpadu. Sastera mengukuhkan penguasaan bahasa. Pada masa yang sama saling mengukuhkan kekuatan ilmu, nilai-nilai murni budaya dan kekuatan jati diri bangsa. Sastera akan mengajak seseorang itu mengenali adab, adat dan pegangan hidup bangsa turun temurun, tercerna jiwa patriotisme, kesetiaan, kasih sayang, kesederhanaan, makna kedurhakaan, khianat sebagainya. Selain agama, sastera mampu mendidik anak bangsa membezakan antara nilai-nilai budaya positif dengan nilai negatif, nilai terpuji (*mahmudah*) atau nilai keji (*mazmumah*). Kandungan nilai-nilai budaya murni dalam kesusastraan boleh diteliti dalam karya-karya agung Melayu atau dalam sastera kreatif moden melalui novel, cerpen, puisi, cereka.

Fungsi DBP dan Peranan Perlaksanaan Dasar Bahasa

Pada tahun 2016, genaplah usia DBP ke-60 tahun. Selama enam dekad itulah DBP melindungi dan mempertahankan bahasa Melayu sebagai salah satu tonggak jati diri bangsa Malaysia. Bahasa Melayu mempunyai kekuatan atau hubungan sejarah yang panjang dengan institusi kesultanan Melayu. KDYMM Paduka Seri Sultan Perak semasa Majlis Syarahan Titah 2016 di atas telah menegur pelbagai pihak berkuasa tempatan dan sikap syarikat gergasi berkaitan kerajaan yang **“...tidak menghormati bahasa kebangsaan, malah tidak juga menunjukkan sokongan bersungguh-sungguh kepada badan yang berjuang untuk terus mendaulatkan bahasa kebangsaan”**. Badan yang berjuang itu tidak lain dan tidak bukan ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang diwujudkan atas aspirasi Perkara 152 Perlembagaan dan Akta tubuh DBP itu sendiri, yakni Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan, 1995; Ordinan 1959).

DBP pernah meletakkan wawasan dan matlamat Bahasa Melayu pada alaf baru dengan matlamat untuk memperkasakannya dalam rangka pengisian Wawasan 2020. Kenyataan penting dalam sasaran kerjanya berbunyi: "**Bahasa Melayu menjadi asas bagi pembentukan tamadun negara bangsa Malaysia moden dan digunakan dengan meluas dalam setiap bidang kehidupan di Malaysia, serta menjadi salah satu bahasa antarabangsa pada abad ke-21 ini**"

Kadang-kadang ada orang dan beberapa pihak yang keliru antara peranan perancangan, pembinaan dan pengembangan bahasa dengan aspek-aspek perlaksanaannya. Pemertabatan dan pemerkasaannya menjadi tanggungjawab semua pihak. DBP boleh dianggap sebuah 'makmal' menyediakan kesempurnaan ramuan sumber atau 'tapak' semaihan bahasa dengan merancang, membina dan mengembangkan bahasa Melayu memenuhi fungsi-fungsi bahasa. Semua pihak perlu ingat bahawa perlaksanaan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan adalah tanggungjawab kolektif. Maksudnya perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan adalah "**Tanggungjawab Perlembagaan**" yang mesti dipikul semua pihak berkuasa. DBP ditubuhkan pada tahun 1956, setahun lebih awal dari tarikh kemerdekaan, 1957. Ini menunjukkan pemerintah sedari awal meletakkan wawasan jauh ke hadapan. Sebuah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi itu sangat penting dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negara dan ke arah mencapai matlamat perpaduan nasional. Jadi kita sendiri dapat mengagak apabila DBP sesekali 'terkebil-terkebil' melihat sikap bahasa dan 'terkial-kial' oleh tabiat pihak berkuasa dan rakyat Malaysia. Persoalan di sini ialah kenapakah apabila timbul sahaja isu perlaksanaan bahasa, maka setiap jaring akan menunding ke arah DBP. Pada hemat saya, selaras dengan peruntukan Akta tubuhnya, DBP telah menjalankan tugasnya dengan baik. DBP telah berjaya melakukan kera-kerja merancang, membina dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara Malaysia. Sejak penubuhannya enam dekad yang lalu, DBP telah menyempurnakan tugasnya dalam usaha pembakuan bahasa (dari segi sistem ejaan rumi dan jawi, sebutan, istilah, tatabahasa), menerbitkan ribuan judul buku umum dan teks sekolah, penerbitan kamus, ensiklopedia, majalah, menganjurkan aneka program pemasyarakatan bahasa dan sastera misalnya melalui gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK), Gerakan Cintai Bahasa, Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) dan kegiatan-kegiatan kesedaran bahasa dan sastera di semua peringkat. Pembakuan bahasa menjadi antara keutamaan (memandangkan bahasa Melayu terbahagi kepada dialek seperti Kelantan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Johor atau lainnya dan bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak) yang memerlukan keseragaman (standardisasi) sistem. Kira-kira lebih daripada 1 juta istilah telah digubal oleh Jawatankuasa Pakar Bidang dalam semua bidang ilmu.

Tema Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK), sejak tahun 2010: “*1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara*”. Mulai tahun 2016 diubah kepada ‘*1Bahasa 1Jiwa 1Bangsa*’. Maksud bangsa itu merujuk kepada bangsa atau kebangsaan Malaysia. BBK mengisi kegiatan ke arah memupuk kesedaran terhadap bahasa, sastera dan budaya termasuk memelihara penggunaan bahasa yang benar dan betul, kesopanan dan kesantunan berbahasa dalam ciptaan seni, mendorongkan perkembangan karya kreatif, penyelidikan, penulisan sumber ilmu dan sebagainya. Bahasa itu asas pembinaan tamadun bangsa. Begitu bukti sejarah ketamadunan manusia zaman berzaman. Jika demikian, bangsa Malaysia perlu tanya diri: apakah jati diri, keperibadian dan sahsiah bangsa merdeka ini sudah gemilang? Apakah status BM sebagai bahasa negara itu benar-benar berada di martabatnya, mantap dan perkasa? Jika tidak mahu ke mana kita dalam membina peradaban negara bangsa Malaysia ini ratusan tahun akan datang?

Dalam aspek perancangan dan pembinaan bahasa, hatta di bidang istilah sains dan teknologi sekalipun, DBP telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Tinggal lagi pihak-pihak berkuasa sendiri atau syarikat-syarikat gergasi berkaitan kerajaan, diterajui pimpinan Melayu sendiri, bersikap tidak menghormati dan tidak menunjukkan sokongan yang serius. Dalam tugas penerbitan, DBP membuat kerja-kerja penerbitan melalui media cetak dan elektronik. Apabila tabiat membaca rakyat Malaysia tidak sekukuh mana berbanding dengan negara-negara maju yang lain di Asia atau Barat, maka beberapa banyak penerbitan tersadai tidak menemui pasarnannya. DBP juga menyalurkan khidmat nasihat bahasa, membuat teguran dan pandangan kepada semua sektor.

DBP perlu dirujuk seandainya ada masalah bahasa di kalangan pengguna misalnya dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa. DBP sekian lama menggerakkan kesedaran pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan. Maka tugas menjunjung aspirasi Perlembagaan itu terletak ke atas bahu semua pihak, lebih-lebih lagi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkuasa awam. Sektor awam perlu memeriksa kembali tanggungjawab dan peranan mereka yang kini dikatakan semakin ‘galak’ dan ‘agah’ menggunakan bahasa Inggeris, sekalipun dalam acara-acara rasmi, seminar di kalangan peserta Malaysia sendiri, mesyuarat Kementerian dan Jabatan. Sektor awam sepatutnya mendepani perlaksanaan dasar bahasa kebangsaan itu dan membawa teladan terbaik.

DBP sebagai agensi perancang, pembina dan pengembang bahasa tidak henti-henti ‘bertarung’ antara kekeliruan persepsi dengan keperluan memartabatkan bahasa Melayu. Pelbagai pihak tidak kelihatan menjunjung bahasa negara atau seharusnya cuma mengelek bahasa asing yang perlu, tetapi suasannya menjadi terbalik. Kita harap segala macam program dan kegiatan yang dilaksanakan DBP bagi tujuan pemasyarakatan dan pembudayaan bahasa tidak menjadi sia-sia. Kesedaran dan tanggung jawab bersama sudah mengecil, bahkan kian kelihatan memasuki lorong-lorong kecil pelaksanaannya yang suatu ketika lambat laun

boleh memusnahkan jati diri bangsa ke arena yang tidak lagi gah luas penggunaannya.

Sejauh manakah rakyat memahami peruntukan undang-undang Malaysia yang telah menetapkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, menjadi bahasa rasmi bagi melaksanakan maksud-maksud Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)? Apakah rakyat Malaysia memahami bahawa mereka tidak dilarang menggunakan, belajar atau mengajar bahasa-bahasa lain?. Adakah semua agensi, institusi, organisasi awam dan swasta mendukungi dan mematuhi bergerak secara integral bersama-sama merealisasikan peruntukan tersebut?

Dengan demikian suatu pemeriksaan yang menyeluruh perlu dilakukan berdasarkan kehendak undang-undang di atas tadi. Program ‘Audit Bahasa’ yang kini sedang dijalankan DBP boleh memeriksa bagaimanakah aplikasi tafsiran “Fungsi Bahasa Melayu Untuk Keperluan Dalam Negara”. Tanpa apologetik, semua agensi awam dan swasta sebenarnya boleh membuat pemeriksaan sendiri atau seharusnya berkerjasama berganding bahu dengan DBP, memperjelaskan sejauh mana pencapaian tanggungjawab dan peranan masing-masing atau menyampaikan masalah dalam memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Persoalannya apakah Bahasa Melayu sudah benar-benar diamalkan dengan betul sebagai bahasa kebangsaan? Bagaimana pula peranan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan; bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan industri; bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi. Atau apakah BM akan hanya selama-lamanya kekal bertahan menjadi bahasa kesusastraan, kesenian, kebudayaan, agama dan falsafah sahaja?.

Di mana-mana pun di muka bumi ini ada bahasa negara masing-masing. Satu bahasa ditetapkan atau dinamakan statusnya sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi atau bahasa negara. Hal yang sama tidak terkecuali bagi Malaysia. Malaysia pula akan berwajah negara maju menjelang tahun 2020 sesuai dengan matlamat Wawasan 2020. Pelbagai usaha dan rancangan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) sedang dilaksanakan demi mencapai matlamat negara maju tadi. Sesebuah negara bangsa yang maju tidak akan ke mana sekiranya tiada kekukuh perpaduan. Perpaduan dapat dicapai dengan perkongsian satu bahasa kebangsaan di semua lapisan rakyat, berkongsi nilai-nilai budaya bangsa yang sama atau nilai-nilai murni kebangsaan dan kenegaraan yang dihayati.

Hakikat menerima kepelbagaian yang ada di Malaysia; adanya fenomena perbezaan kaum dan suku bangsa, bahasa etnik dan dialek, agama dan kepercayaan, amalan budaya dan warisan seni yang tidak serupa mengukuhkan lagi alasan kenapa semua lapisan rakyatnya perlu mengakuri bahawa alat utama perpaduan itu ialah melalui bahasa yang sama. Bahasa itu menjadi milik bersama yang merentasi kaum dan masyarakat tadi, yakni satu bahasa kebangsaan. Sesungguhnya perpaduan dan kesatuan bangsa tidak mungkin akan dapat dicapai tanpa suatu bahasa negara sendiri, apatah lagi jika sesebuah negara itu bergantung kepada bahasa asing.

Peneguhan Persepsi dan Sikap Bahasa

Sehingga dekad kedua abad ke-21 ini, kenakah status BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita tidak tercapai sepenuhnya dan mantap dalam semua ranah kehidupan? Peranan sektor awam sepatutnya berada di hadapan, jangan kelihatan undur ke belakang. Kejayaan perlaksanaan dasar bahasa sehingga menjelang 1990an dahulu seharusnya dijadikan iktibar. Banyak pihak beranggapan bahawa sekarang, peranan besar bahasa kebangsaan pada suatu masa dahulu bertambah mengecil dan tidak kukuh. Peranannya sedikit demi sedikit diambil alih bahasa asing.

Rakyat Malaysia semacam sudah tiada lagi sikap ‘megah bahasa’ atau ‘bangga bahasa’ negara sendiri. Itulah sikap yang membezakan bangsa kita dengan bangsa Jepun, Perancis, Korea, Jerman, Itali dan lain-lain. Bangsa-bangsa lain itu memiliki jiwa patriotisme bahasa yang tinggi. Sikap pasif dan tabiat negatif, perasaan rendah diri tidak menyelubungi diri mereka. Rakyat Malaysia memandang bahasa Inggeris sangat ‘superior’ dan teragung. Ada tendensi wujudnya tabiat memperlekehkan kehebatan bahasa sendiri. Masyarakat dikongkong perasaan rendah diri atau tanpa sebab memperkecilkan bahasa negara bangsa Malaysia sendiri apabila kita sebenarnya gagal menguasai pengucapan lisan dan tulisan bahasa kebangsaan itu dengan baik. Kegagalan itu menyebabkan kita hanya mampu menyamakan bahasa sendiri sebagai bahasa pasar atau bahasa basahan harian bukan bahasa ilmu. Kebijakan kita mengenali keperluan sebenarnya memang belum cukup baik.

Kebanyakan orang tahu, dunia satu bahasa (*monolingual*) sudah tiada lagi. Para pejuang bahasa dan ilmuwan tidak pernah menolak kepentingan rakyat Malaysia menguasai bahasa-bahasa dunia yang lain. Bahasa-bahasa utama dunia itu bukan sahaja bahasa Inggeris. Ada bahasa Perancis, Sepanyol, Arab dan satu dua yang lain yang perlu dikuasai mengikut tuntutan seperti ekonomi dan perhubungan antarabangsa. Sayangnya kebijakan kita itu tidak diimbangi dengan kemantapan penggunaan bahasa sendiri. Ada semacam faktor psikologi, belitan belenggu rendah diri, dihambat sikap pasif dan tabiat negatif. Kita perlukan kaedah dan strategi yang betul. BM diperkasakan di dalam negara dan membawanya ke persamaan dunia. Malaysia perlu mencari jalan situasi menang-menang (*win-win*) bermula dengan mana-mana forum yang sedia ada dan mendorong perluasan pengaruhnya ke persada dunia secara bijaksana.

Malaysia kini berada di dekad ke-6 usianya. Kemerdekaan minda digambarkan oleh kemerdekaan sikap, tabiat dan perkongsian cita-cita demi kemakmuran, keamanan, keselamatan dan kesejahteraan hidup bersama. Tetapi kenapa kadang-kadang sikap memandang ringan, tidak mempedulikan, meminggir dan mengambil mudah terhadap perlaksanaan bahasa kebangsaan masih berleluasa? Di manakah letaknya keteguhan sikap yang mendukungi konsep ‘Kesatuan Dalam Kepelbagaian’?

Penekanan berlebihan terhadap penggunaan bahasa Inggeris tanpa disedari menjadikan kita sendiri yang meminggirkan bahasa negara, wujudnya situasi menang-kalah - menang bahasa Inggeris, kalah bahasa Melayu. Senario begini tidak sepatutnya terjadi. Citra jati diri kenegaraan dan keperibadian kebangsaan Malaysia seolah-olah diambil alih bahasa Inggeris. Mahukah wajah bangsa Malaysia itu pada masa akan datang ‘bertopengkan’ budaya asing?

Penutup

Matlamat mengangkat jati diri dan keperibadian bangsa melalui satu bahasa negara hanya akan dapat dicapai melalui kesepakatan dan komitmen peranan semua institusi, agensi, organisasi dan rakyat seluruhnya. Kita hendaklah berdiri tegak sebagai satu bangsa yang benar-benar merdeka. Aspirasi perlembagaan adalah pedoman utama bagi kita membentuk negara bangsa sendiri.

BM memiliki potensi besar bagi dikedepankan menjadi salah satu bahasa komunikasi antarabangsa terutama di Asia. Hasrat ini boleh berjaya jika digunakan strategi dan pendekatan yang betul, dan hendaklah bermula dengan kekuatan usaha memartabat, memantap dan memperkasakannya sebagai bahasa utama di negara sendiri terlebih dahulu.

Kelemahan pencapaian perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan di Malaysia bukan kerana kecuaian DBP, tetapi disebabkan peranan dan tanggungjawab bersama yang tidak dilakukan oleh pihak-pihak berkuaasa lain yang signifikan dan relevan. Komitmen mereka tidak sekukuh mana, hatta terhadap aspek-aspek yang kena mengena dengan mereka sendiri.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah institusi khusus yang utama melindungi dan mempertahankan salah satu tonggak jati diri bangsa. Tugas perancangan dan pembinaan bahasa berjaya dilaksanakan sejak 60 tahun yang lalu. Selain tugas pembakuan bahasa, pengembangan sastera dan penerbitan, DBP diberi kuasa khidmat nasihat, menegur dan membimbang semua sektor dalam perlaksanaan dasar bahasa. Kita menyaksikan sampai kini perlaksanaan dasar bahasa masih tidak tercapai sepenuhnya. Kerajaan patut menyegerakan pindaan ke atas Akta Bahasa Kebangsaan (1963/67) itu sendiri atau sekiranya tidak juga berkesan, maka saya ingin ulangi cadangan saya beberapa waktu lalu agar kerajaan menimbaungan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bahasa Negara (SBN) dengan mewujudkan direktorat-direktorat tertentu dan DBP menjadi salah satu lembaga di bawah penyeliannya!. Sekian. Wallahu’lam.

Bibliografi:

A Aziz Deraman, 2010. **Wacana Peradaban Malaysia**. Kuala Lumpur: DBP.

Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67.

Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan), 1995.

Bengkel Khas Penegasan Semula Dasar Bahasa, (Dokumen terhad), Dewan Bahasa dan Pustaka, 11 Mac 1997.

Citra, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka Tonggak Bahasa Melayu Ke Pentas Dunia Bahasa Moden. 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta 1996-2000, (Dokumen terhad, Mesyuarat JKKPPBKSS 1/1998 pada 19 Februari 1998), Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail bin Dahaman, 1996. *Laporan Status Senario Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Penilaian Keberkesanan Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta Tahun 1996-1998 bagi Tempoh Enam Bulan (19 Ogos 1996-18 Februari 1997), (Dokumen Terhad), Dewan Bahasa dan Pustaka, 1 Mac 1997.

Perlembagaan Persekutuan, 1996. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Peringatan Raja Melayu, Kenyataan Akhbar Khas Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah, 17 Oktober 2008, Kuala Terengganu, sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-215.

Sasaran Kerja Utama (SKU) DBP, 1996-2000, 2001-2005 (Dokumen Terhad).

Titah Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Dalam Majlis Syarahan Titah 2016 di Auditorium DBP, Kuala Lumpur, pada 5 Oktober 2016. Lihat sama “Maju Bahasa, Majulah Bangsa”, *Dewan Masyarakat*, Disember 2016.

Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu, 1957.

[Kertas Kerja yang dibentangkan di Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Sempena Ulangtahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan 2016 pada 5,6&7 Februari 2017 di Casuarina @ Meru, Ipoh Perak anjuran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan].

Emel: adeputragong@gmail.com

Tel: +6012-3153568.

A AZIZ DERAMAN

Dato' Haji A Aziz Deraman kelahiran Kelantan (1948) adalah Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN) sejak Mei 2011. Beliau merupakan Prof Tamu/Kehormat, *Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS)*, Guangzhou, China (2001-2006); Prof Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM) (2007-2009); dan Penerima *Honorary Award (Culture and Education)*, Universiti Sokka, Jepun (2006); *A.S.Pushkin Memorial Medal*, Moscow, Rusia (1999). Antara anugerah lain yang beliau terima ialah Anugerah Khas Presiden ABIM (2003); Anugerah Pencetus MASTERA, Indonesia (2005); Anugerah Budayawan Kelantan (1989 & 2006); Anugerah Tokoh Budaya GAPENA (2011); Anugerah Pejuang Bahasa PLM (2016) dll.

Selama 33 tahun (1971-2004), beliau berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dalam pelbagai kapasiti di kementerian dan agensi tertentu. Jawatan terakhir beliau adalah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1994-2004). Antara jawatan penting lain yang beliau sandang ialah Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)/Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (1981-1989); Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) (1991-93).

Di kalangan rakan-rakan, beliau dikenali sebagai budayawan-pentadbir dan penulis-penyair. Beliau banyak menghasilkan buku-buku dan monograf, membentang kertas kerja seminar dan persidangan kebudayaan dan pemikiran peradaban Melayu di dalam dan luar negeri. Antara penerbitan beliau: *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* (1975, 2001, 2005); *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia* (1992, 2000); *Pengantarabangsaan Bahasa Melayu* (2004); *Wacana Peradaban Malaysia* (2010); *Geger Sokmo* (2011); *Minda Dunia Melayu* (2015) dan 8 buah kumpulan puisi persendirian antaranya: *Kau dan Aku* (1994, 2004), *Bahtera Madani* (2001), *Gapura Diri* (2002), *Gelora Nurani* (2015); 3 buah kumpulan puisi pilihan *Kembara Penyair* (dalam bahasa Melayu & Rusia, Moscow: 2002); *Suara Dari Cikini* (2010); *Wak Long* (2012) dan beberapa antologi bersama. Puisi-puisi beliau telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Rusia, Mandarin dan Korea. Beliau menulis ratusan rencana dalam majalah tempatan dan jurnal dan pernah menjadi kolumnis majalah *Mastika* dan akhbar *Sinar Harian*. Sebagai penulis kekadang beliau menggunakan nama pena Azidra dan Adeputragong.

Dato' A Aziz banyak melibatkan diri dalam pelbagai majlis dan pertubuhan budaya, bahasa dan sastera di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya Pengurus Sidang Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) (1995-2004); Pengurus Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) (1996-2004); Pengurus Tetap Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) (2000-2004); Pengurus Sidang Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS) (2001-2004); AJK Eksekutif dan Naib Presiden Majlis Pertubuhan Kesenian dan Festival Antarabangsa (CIOFF/UNESCO) Sektor Asia-Oceania (1984-2002); Naib Presiden, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)(1983-1995); Timbalan Presiden Persekutuan pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT)(1985-1995); Timbalan Pengurus, Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC) (1992-1998). Beliau telah dilantik kerajaan menduduki Lembaga Pengarah bagi *Research Centre For Islamic History, Art and Culture (IRCICA/OIC)*, Istanbul (2004-2010).